

16 MAY 2002

Singapura-rundingan/I

SINGAPURA, MALAYSIA AKAN TETAPKAN TARIKH RUNDINGAN LANJUT

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 16 Mei (Bernama) -- Singapura dan Malaysia dijangka mencapai persetujuan tidak lama lagi mengenai tarikh untuk meneruskan rundingan bagi beberapa isu tertangguh dan menjejaskan hubungan antara kedua-dua negara sejak tiga tahun lepas, kata Menteri Luar Singapura S.Jayakumar hari ini.

Dalam penjelasannya kepada parlimen mengenai kedudukan isu-isu terbabit semasa perbahasan belanjawan Kementerian Luar, Jayakumar berkata rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar telah mencadangkan beberapa alternatif bagi tarikh yang dicadangkan oleh Singapura untuk mengadakan rundingan itu dan para pegawai kini berusaha untuk mencari tarikh yang sesuai.

Perkara yang menjadi isu utama dalam rundingan yang bakal diadakan itu ialah tentang bekalan air ke Singapura.

Jayakumar juga menjelaskan bahawa semalam, Singapura telah membalas nota yang dihantar oleh Malaysia yang mendakwa kerja penambakan laut di Pulau Tekong memberi kesan terhadap alam sekitar di perairan Malaysia dan menyempitkan laluan air di Kuala Johor.

Katanya dakwaan Malaysia itu tidak disokong oleh alasan kukuh dan tidak disertai dengan keterangan terperinci.

"Oleh itu kita mengingatkan Pesuruhjaya Tinggi (Malaysia) supaya meminta kerajaannya menghantar kepada kita nota yang menyenaraiakn secara terperinci perkara yang menjadi kebimbangannya (Malaysia) untuk kita kaji," katanya.

Jayakumar berkata beberapa isu yang tertangguh itu termasuk isu penambakan laut yang menjejaskan hubungan dua hala.

Katanya kesimpulan yang dibuat oleh banyak pihak bahawa hubungan antara Singapura dan Malaysia sedang berada pada tahap rendah disebabkan oleh kedua-dua isu itu dan beberapa perkara lain yang menjadi tajuk utama akhbar beberapa bulan kebelakangan ini sememangnya tidak dapat dielakkan.

Bagaimanapun, Jayakumar berkata, baginya perkara itu adalah sesuatu yang lumrah bagi negara berjiran.

"Singapura dan Malaysia mempunyai hubungan yang kompleks dan saling bergantung dan untuk memastikan ia sentiasa tenang bukanlah tugas mudah. Oleh itu, kedua-dua pihak perlu melihat hubungan Singapura-Malaysia bukan melalui emosi yang diruntun oleh ikatan sejarah tetapi melalui perspektif yang pragmatik serta berjangka masa panjang dan bukannya mencari keuntungan jangka pendek melalui pertimbangan sebelah pihak," katanya.

Semasa perbahasan, beberapa anggota parlimen menyentuh tentang perlunya dilupakan sejarah mengenai pemisahan antara kedua-dua negara pada tahun 60an dalam usaha untuk menyelesaikan isu-isu yang tertangguh.

Mereka juga membidas Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilaporkan berkata bahawa seperti melapah seekor kucing, terdapat banyak cara untuk melapah Singapura dalam persaingan ekonomi antara kedua-dua negara.

Seorang anggota parlimen membidas Dr Mahathir dengan berkata Singapura bukannya seekor kucing yang jinak tetapi ia adalah seekor singa manakala seorang lagi anggota berkata bahawa kata-kata yang diucapkan oleh Dr Mahathir itu tidak boleh membantu memperkukuhkan hubungan dua hala. Seorang lagi anggota parlimen berkata sekiranya kenyataan seperti itu diucapkan oleh Singapura, ia sudah tentu akan menimbulkan kekacauan di luar pejabat kedutaan republik itu di Kuala Lumpur.

Terdapat juga anggota parlimen yang menganggap bahawa laporan media

mengenai Singapura yang dibuat di seberang Tambak Johor merupakan cara Malaysia untuk sekali lagi menjadikan Singapura sebagai korban untuk menghadapi pilihan raya umum.

Jayakumar juga menyeru rakyat Singapura supaya jangan mengambil hati dengan kenyataan Dr Mahathir itu kerana sebelum inipun Singapura telah diberi pelbagai gelaran seperti titik merah yang kecil, jerawat yang tidak akan pecah dan rakyatnya yang berkulit tebal.

Katanya, rakyat Singapura sebaliknya perlu memahami mesej yang terkandung di sebalik kiasan Dr Mahathir itu dan bersiap sedia untuk menghadapi satu persaingan serius.

Jayakumar berkata walaupun hubungan antara Singapura dan Malaysia sentiasa naik turun, tetapi kedua-dua negara tidak menutup saluran komunikasi dan terus bertukar-tukar lawatan pada peringkat menteri dan pegawai.

Anggota parlimen, Zainul Abidin Rasheed, pula tidak bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir bahawa orang Melayu tidak mempunyai tempat di negara ini dan menjemput pemimpin Malaysia itu melawat Singapura untuk memahami dengan lebih jelas tentang kedudukan mereka.

-- BERNAMA

TCL SP MAI